

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)6

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

6. Apakah usaha dan pencapaian Kerajaan Negeri dalam menarik high value high impact persidangan, konvensyen dan pameran (MICE) ke Pulau Pinang sejak bulan Ogos 2023?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Kerajaan Negeri melalui *Penang Convention and Exhibition Bureau* (PICEB) telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik untuk menarik persidangan, konvensyen dan pameran bernilai tinggi dan berimpak besar ke negeri ini. Antara usaha tersebut adalah penglibatan bersama pihak *Malaysia Convention and Exhibition Bureau* (MYCEB) dengan menyertai acara perdagangan (*Tradeshaw*) seperti IMEX Frankfurt, *The Meeting Show London*, IBTM Barcelona serta menganjurkan *Penang Roadshow to India* untuk memastikan Pulau Pinang kekal relevan, kompetitif dan menarik dalam pasaran acara perniagaan yang global ini. Selain itu, penyertaan ini adalah penting untuk memastikan Pulau Pinang tidak ketinggalan dalam trend terkini acara perniagaan di peringkat antarabangsa. PICEB juga

menitikberatkan pembangunan industri dengan menganjurkan BE @ Penang (*Business Events*) yang dengan objektif meluaskan pengetahuan dan pendidikan dalam acara perniagaan kepada rakan industri seperti *Professional Conference Organiser* (PCO), pengusaha hotel, agen pelancongan, syarikat pengurusan destinasi (*Destination Management Company*), pembekal, Syarikat Pengurusan Acara (*Event Management Company*) dan agensi yang terlibat dengan lokasi tarikan pelancong.

Selain daripada itu, PICEB juga mengukuhkan lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi acara perniagaan dengan menganjurkan acara berprestij iaitu *Penang International Travel Exchange* (PITE) yang mempunyai objektif untuk meluaskan lagi hubungan antara pembeli antarabangsa dan pemain industri tempatan. Antara acara antarabangsa yang dibida dan disokong oleh PICEB untuk dianjurkan di Pulau Pinang seperti *World Research Travel Conference 2024*, *International Advertising Association World Congress 2024*, *International Conference of Butterfly Exhibitors & Suppliers 2024*, *International College of Dentists Section XV International Conference* dan lain-lain.

PICEB menyumbang kepada penjanaan impak ekonomi kepada penduduk rakyat Pulau Pinang dan *Estimated Economic Impact* (EEI), bilangan acara perniagaan dan jumlah delegasi bagi acara perniagaan dari tahun 2020 hingga 2024 adalah seperti di **Jadual 1**:

Jadual 1: *Estimated Economic Impact* (EEI), Bilangan Acara Perniagaan dan Jumlah Delegasi bagi Acara Perniagaan (2020-2024)

BIL.	TAHUN	<i>ESTIMATED ECONOMIC IMPACT (EEI) (RM)</i>	JUMLAH ACARA PERNIAGAAN DI PULAU PINANG	JUMLAH DELEGASI UNTUK ACARA PERNIAGAAN
1	2024	1.29 bilion	2,059	305,259
2	2023	1.03 bilion	604	162,964
3	2022	375.91 juta	281	57,812
4	2021	14.08 juta	77	3,829
5	2020	66.21 juta	156	19,283